

NOTIS WAJIBKAN INDIVIDU BUAT LAPORAN BAGI PENDAFTARAN

Dalam melaksanakan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Kerahan 1970, pihak berkuasa menghendaki setiap lelaki warga negara Singapura dan setiap lelaki Penduduk Tetap Singapura, yang lahir antara 1 Oktober 2009 hingga 1 Januari 2010 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) (yang disebutkan dalam pemberitahuan ini sebagai seorang pendaftar) perlu mendaftar untuk perkhidmatan negara.

Pendaftaran bagi perkhidmatan negara

2. Seseorang pendaftar mesti mendaftar bagi perkhidmatan negara antara 5 Ogos 2026 hingga 25 Ogos 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) —

- (a) menerusi dalam talian di <https://www.ns.gov.sg>; atau
- (b) secara peribadi di Pangkalan Pusat Tenaga Manusia (CMPB) yang terletak di 91 Hillview Link, Singapura 669723.

Pemeriksaan perubatan

3. Kecuali dimaklumkan oleh pihak berkuasa, setiap pendaftar mesti —

- (a) semasa mendaftar bagi perkhidmatan negara, memilih satu tarikh antara 8 Oktober 2026 hingga 11 November 2026 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) untuk pemeriksaan perubatan; dan
- (b) menjalani pemeriksaan perubatan di CMPB yang terletak di 91 Hillview Link, Singapura 669723 pada tarikh yang dipilih antara 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Tempat:	Pangkalan Pusat Tenaga Manusia
Masa:	Isnin hingga Jumaat - 8 pagi hingga 5 petang Sabtu - 8 pagi hingga 1 tengah hari Tutup pada Ahad dan cuti awam
Pertanyaan:	1800-3676767
E-mel:	contact@ns.gov.sg
Laman Utama:	https://www.ns.gov.sg